

Najib, anak gagal tangguh prosiding kebankrapan

Hakim putuskan tiada alasan cukup untuk rayu kes tunggakan cukai LHDN RMI.69b dan RM37.6j

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam, menolak rayuan Datuk Seri Najib Razak dan anaknya, Datuk Mohd Nazifuddin, terhadap keputusan mahkamah sama yang menolak permohonan mereka untuk menangguhkan prosiding kebankrapan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) membabitkan tunggakan cukai masing-masing berjumlah RM1.69 bilion dan RM37.6 juta.

Pesuruhjaya Kehakiman, Suhendran Sockanathan @ Saheran Abdullah menolak rayuan bekas Perdana Menteri dan anaknya itu selepas mendapati tiada alasan mencukupi oleh kedua-dua perayu untuk menangguhkan proses kebankrapan itu.

Saheran berkata, peranan mahkamah adalah untuk memudahkan kutipan dan pembayaran cukai, dan mahkamah tidak melihat sebarang kemudaratian lain yang boleh mewajarkan penangguhan.

Beliau berkata, isu berhubung merit penilaian cukai di bawah bidang kuasa Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP), dan bukannya mahkamah.

Hakim itu berkata, hujahan perayu termasuk isu had masa, dakwaan pengiraan tidak tepat dan tuntutan sumbangan politik adalah perkara yang menyentuh merit rayuan cukai mereka dan ia mesti diputuskan oleh PKCP.

"Alasan kedua adalah terdapat rayuan yang belum selesai kepada PKCP.

"Semata-mata kerana wujud rayuan kepada PKCP tidak meng-

halang kewajipan untuk membayar termasuk dengan memberikan penangguhan.

"Dakwaan mengenai mudarat tidak dapat dipulihkan pula, (hujahan) sama ada amaun yang dibayar adalah untuk tujuan politik dan oleh itu bukan pendapatan bercukai adalah isu merit dan penilaian dalam bidang kuasa PKCP.

"Ini juga selari dengan konsep yang telah lama digunakan di Malaysia dalam kutipan cukai iaitu formula *pay first, dispute later* (bayar dahulu, pertikai kemudian) di bawah Akta Cukai Pendapatan, bertujuan untuk memudahkan kutipan cukai.

"Saya tidak nampak sebarang kemudaratian lain yang boleh mewajarkan penangguhan," katanya.

liu telah diarahkan untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan itu.

Pada 16 Oktober 2023, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa kedua-dua beranak itu perlu melunaskan cukai tertunggak selepas menolak rayuan mereka untuk membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Najib dan Nazifuddin merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan permohonan LHDN untuk memasukkan penghakiman terus dalam kes tunggakan cukai terhadap mereka.

Penghakiman terus ialah keputusan yang dibuat mahkamah berdasarkan hujahan bertulis tanpa memanggil saksi memberi keterangan dalam perbicaraan.

Dua Mahkamah Tinggi berasingan sebelum ini membenarkan permohonan LHDN untuk memasukkan penghakiman terus bagi mendapatkan semula tunggakan cukai daripada Najib dan anaknya bagi tempoh 2011 hingga 2017.

Pada September 2021, Mahkamah Rayuan menolak rayuan mereka untuk mengetepikan penghakiman itu, sebelum Mahkamah Persekutuan pada 10 Mei 2022 memberi kebenaran kepada mereka untuk meneruskan rayuan di peringkat tertinggi.



Mohd
Nazifuddin

Najib Razak